

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25

ISSN 1823-6421



Wahai Bangsaku.. “Moh Jadi Usahawan”



Muhammad Zahran b Abd Rahman, dan Mohd Faizal Azrul Azwan Muhamed @ Che Harun
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang, Cawangan Jengka
Koresponden: zahran600@uitm.edu.my

Pengenalan

Bilangan usahawan dan sumbangan mereka kepada pendapatan negara menjadi faktor penentu kepada cita-cita negara untuk mencapai status negara maju pada 2025. Pelbagai usaha, perancangan dan inisiatif telah diambil pelbagai pihak bagi menjayakan agenda untuk melahirkan usahawan dan menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya di masa hadapan. Kementerian Pengajian Tinggi telah melancarkan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (PTK IPT) 2021-2025 dan Panduan Pendidikan Keusahawanan Bersepadu IPT atau MOHE Guide to Entrepreneurship Integrated Education (EIE) bagi mendukung kelestarian agenda keusahawanan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) serta mampu melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan pelajar dan graduan IPT. Namun begitu, bagi memastikan mereka yang menceburi bidang ini mampu untuk kekal relevan dan berdaya saing dalam jangka masa panjang, persediaan untuk menceburi bidang keusahawanan adalah sangat penting.

PERSEDIAAN DIRI UNTUK MENJADI USAHAWAN

“Sebaik-baik pekerjaan adalah pekerjaan seorang lelaki dengan tangannya dan setiap jual beli yang mabrur.” (HR. Ahmad). Ini adalah bukti bahawa keusahawanan adalah kerjaya yang baik dan dimuliakan dalam Islam. Bagi yang memilih untuk menjadi usahawan mestilah bersedia sepenuh hati, fizikal dan mental serta fokus untuk berniaga, di samping mengenal pasti potensi diri ke arah pengembangan kerjaya seorang usahawan. Yakin dengan matlamat hidup setelah memilih keusahawanan sebagai kerjaya, selain menyatakan secara jelas visi dan misi dalam perniagaan, mesti mempunyai niat yang betul untuk berniaga dan juga mahir dalam bidang yang ingin diceburi berdasarkan minat.

MENCARI ILMU KEUSAHAWANAN

Tuntutlah ilmu sehingga ke Negeri China, ini penting sebagai pegangan dan persediaan menjadi manusia yang baik khususnya usahawan. Mempunyai ilmu dalam pelbagai aspek adalah penting untuk menjalankan perniagaan agar sentiasa berkembang dan berdaya maju. Hari ini ilmu di hujung jari, yang mana boleh diakses menggunakan *smartphone* melalui medium Youtube, Google, Whatapps dan banyak lagi. Selain itu, membaca buku, menghadiri seminar dan menghadiri kelas kemahiran juga dapat membantu memajukan diri agar lebih berkharisma dan matang dalam perniagaan. Bekerja *part-time* dan bekerja bersama usahawan yang berjaya juga adalah merupakan kaedah terbaik untuk menimba ilmu sebelum memulakan perniagaan sendiri. Memilih mentor yang betul adalah amat penting bagi mendapatkan khidmat nasihat dan bimbingan dalam perniagaan selain hal ini dapat menjimatkan masa dan kos pengurusan. Dengan ilmu juga kita dapat menyediakan sebuah perancangan perniagaan yang berstruktur dan berdaya saing.

PERSEKITARAN KEUSAHAWANAN

Pepatah menyatakan, “masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak”. Justeru, untuk menerokai alam perniagaan perlulah kita bergerak seiring dengan keperluan bidang tersebut, antaranya perlu patuhi syarat dan etika perniagaan. Patuhi undang-undang serta polisi yang telah ditetapkan untuk memenuhi pakej sebagai satu entiti perniagaan dan menjadi usahawan berjaya. Pemilihan persekitaran perniagaan yang positif, gaya hidup serta jaringan perniagaan juga penting bagi memastikan momentum ke arah peningkatan personaliti diri dan perniagaan. Proses berkongsi idea, perbincangan di kalangan pelbagai latarbelakang perniagaan dapat membantu percambahan ilmu dan mengukuhkan perniagaan.

MULAKAN PERNIAGAAN

Setelah melalui proses sebelum ini, seterusnya perlulah ada “TINDAKAN” bagi memastikan cita-cita untuk menjadi seorang usahawan menjadi realiti. Mulakan perniagaan dengan apa yang kita ada terlebih dahulu secara kecil-kecilan dengan risiko yang rendah. Contoh, kita mempunyai kemahiran bercakap dan boleh menarik pelanggan untuk membeli produk, jadi kita hanya perlu menjual produk orang lain dengan sedikit keuntungan terlebih dahulu. Mungkin proses mengumpul modal sendiri akan mengambil masa yang panjang, namun dinasihatkan agar tidak memulakan perniagaan dengan pinjaman kewangan.

KESIMPULAN

Kesedaran, motivasi dan tindakan untuk mengubah hidup ke arah yang lebih baik adalah bergantung kepada sikap individu sendiri. Perancangan dan persediaan diri untuk menjadi usahawan merupakan element penting untuk memastikan kemampuan seseorang perniagaan berdaya saing dan maju. Data menunjukkan 80% perniagaan gagal dalam masa 5 tahun (Richwork Business Review). Namun dengan persediaan dan ilmu, anda mampu mengubahnya.

Program keusahawanan MASMED di UiTM mampu membantu memberi pendedahan kepada graduan tentang ilmu perniagaan, seterusnya mampu membantu melahirkan lebih ramai usahawan muda.

RUJUKAN

- [1] Kementerian Pengajian Tinggi (2021). Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) 2021-2025 Naratif Baharu Program Pembangunan Keusahawanan Di IPT. Dimuat turun daripada <https://www.mohe.gov.my/hebahan/kenyataan-media/pelan-tindakan-keusahawanan-ipt-2021-2025-naratif-baharu-program-pembangunan-keusahawanan-di-ipt>
- [2] Richworks (7 November 2020). 10 Tips Baru Nak Mula Bisnes. Dimuat turun daripada <https://richworks.com/10-tips-baru-nak-mula-bisnes/>
- [3] Hanis Aliaa Hidzir (19 Februari 2021). 10 tip penting bina bisnes Berjaya. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/bisnes/usahawan/2021/02/787929/10-tip-penting-bina-bisnes-berjaya>